

# **PENILAIAN TERHADAP PENDERAAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA: SATU KAJIAN KES DI ENAM BUAH NEGERI**

**Noor Zulaika Binti Zulkhifli Merican**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
 iekamerican13@gmail.com

**Ridzuan Bin Hussin**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
 ridzuan@fskik.upsi.edu.my

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini adalah untuk menilai peranan komunikasi visual di dalam visual foto kes penderaan kanak-kanak di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengembangkan instrumen komunikasi dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa. Teori komunikasi visual dan pendidikan seni visual digunakan bagi melihat keberkesanan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kajian kualitatif yang digunapakai adalah berdasarkan data yang dikumpul melalui surat khabar, soal selidik, pameran, majalah, buku, artikel dan juga lain-lain rekod rasmi. Manakala data kuantitatif diambil daripada sesi temubual bersama pengetua, pegawai psikologi/kaunseling dan lima orang kanak-kanak yang didera bagi setiap rumah kebajikan masyarakat. Kajian lapangan juga, telah dilakukan bagi enam buah negeri berdasarkan kepada catatan tertinggi kes penderaan yang berlaku di Malaysia. Sampel visual foto sebanyak 50 keping berkaitan penderaan kanak-kanak digunakan dalam akhir kajian ini sebagai menyampaikan mesej positif yang boleh memberi kesan mendalam terhadap emosi khususnya ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

**Kata Kunci:** Komunikasi, Penderaan, Kanak-kanak, Emosi

## **PENGENALAN**

Rasullulah s.a.w telah bersabda

*“Bertaqwalah kalian kepada Allah dan berlaku adillah kalian terhadap anak-anak kalian!”*

(Muslim, Kitabul Hibaat 3055)

*“Muliakanlah anak-anakmu dan didiklah mereka dengan baik”.*

(Hadist ibnu majah 2/1211)

Anak merupakan amanat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada seseorang. Tanggungjawab yang diamanah kepada ibubapa adalah berat dalam membentuk

peribadi anak yang mulia. Di dalam islam, telah dianjurkan cara-cara mendidik anak-anak mengikut syariat yang ditetapkan. Dan Allah s.w.t telah berfirman,

*“Dan jika kamu taat kepadanya, nescaya kamu mendapat petunjuk”.*  
(An-Nuur (24):54)

Mengikut landasan agama yang telah dianjurkan oleh islam, tugas mendidik dan membimbing anak-anak akan menjadi lebih mudah dalam melahirkan anak-anak yang berperketi mulia. Selain agama, komunikasi merupakan asas penting dalam kehidupan manusia. Ia juga cara untuk setiap individu mengekspresi atau berkongsi pengalaman dengan individu lain (Asiah, Irkhaniza, Mohamed Sharif, 2008). Menurut Hashim (2001), 70 peratus dari aktiviti kehidupan manusia ialah berkomunikasi. Komunikasi itu tidak hanya terhad kepada perbuatan atau percakapan tetapi juga ia boleh berkomunikasi melalui simbol-simbol atau gambar untuk menyampaikan mesej tertentu.

*“Photography can deliver a mood, it carry a tremendous emotional wallop- like a documentary photography of an abused child enhanced by techniques that emphasize warmth and sensitivity”.*  
(Ronald 2002)

## PERMASALAHAN KAJIAN

Era kemajuan teknologi tanpa sempadan kini menjadikan dunia semakin kecil. Semuanya mampu disentuh melalui hujung jari. Namun, realitinya menjadikan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak semakin menjarak. Apabila sesuatu hubungan itu mempunyai jurang, berlakulah perselisihan faham, ketegangan hidup dan anak-anak menjadi mangsa ibubapa melepaskan kemarahan.



Rajah 1 Kaedah mendisplinkan anak mengikut syarat yang dianjurkan  
Sumber rujukan: Kaedah Mendidik Isteri dan Anak – Antara Galakan dan Larangan Memukul dalam Islam.

Peranan komunikasi adalah penting bagi mencapai matlamat hidup yang dikehendaki. Menurut Rezki dan Sapora (2010:7), tujuan komunikasi adalah untuk

memahami orang lain, memahami segala kejadian dan peristiwa. Tekanan akan berlaku bila mana kedua-dua pihak menghadapi masalah. Apabila tiada komunikasi yang tepat dilaksanakan, jalan keluar yang paling singkat diambil secara melepaskan kekusutan itu kepada anak-anak. Didalam islam telah menganjurkan kaedah yang sesuai dalam mendidik anak-anak. Abdul Rahman (2008,11)

*“Syarat-syarat mendisplinkan anak adalah sama syarat mendisplinkan isteri, diwajibkan memukul kerana kesalahan yang sudah dilakukan dan bukan kerana takut anak itu akan melakukan kesalahan, agar pukulan itu dibuat tanpa mencederakan bersesuaian dengan keadaan umurnya. Tidak boleh dipukul mukanya, anggota dalaman dan kepala dan pukulan dibuat hanya bagi tujuan mendisplin dan tidak boleh melampaui batas dan ibu bapa tidak boleh disalahkan apabila memukul anak dengan syarat-syarat di atas kerana perbuatan memukul anak dibolehkan”.*

(Kitab *al-Tasyri ‘al-Jana’iy al-Islamiy* jil1, m/s 518)

Norhidayah (2014) pensyarah di Universiti Teknologi MARA menegaskan bahawa menghukum dengan cara merotan adalah tindakan terakhir bagi memberi pengajaran kepada anak-anak. Pendekatan keras hanya datang sebagai alternatif terakhir bagi kesalahan berat. Latipah (2014) Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan negeri menyarankan agar ibu bapa meluangkan sekurang-kurangnya 10 saat setiap hari untuk memeluk anak bagi meningkatkan kemesraan antara ibu bapa. Perbuatan ini dilihat remeh namun memberi manfaat untuk kesihatan dan keharmoniaan hidup. Manakala Rohani (2014) Menteri dari Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan mengalakkan terutamanya golongan bapa yang bekerja untuk lebih meluangkan masa bersama dengan anak-anak, kerana bancian keluarga 2004 menunjukkan golongan bapa kurang meluangkan masa bersama dengan anak-anak berbanding ibu.

## ‘Dads spend less time with kids’

**KUALA LUMPUR:** Fathers should spend more time with their children, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Rohani Abdul Karim yesterday.

She said the Malaysian Population and Family Survey 2004 had shown that fathers spent less time with their children compared with mothers.

She said one of the reasons was because the men were the breadwinners of the family and were committed to their work.

Fathers, she also said, spent more free time with their friends and colleagues who shared the same interests or hobbies.

According to the survey, only 65.3 per cent of fathers spent their free time with their children compared with the mothers at 80.2 per cent.

Rohani said the survey was done once every 10 years and hoped that this year’s survey would show an increase in the fathers’ percentage.

“Fathers are very important in shaping the characteristic of the children,” she said after launching the national-level Fathers Day celebration at the Mid Valley Megamall here yesterday. The theme for this year’s celebration is “Ayahku, Heroku” (My Father, My Hero).

Rohani said fathers should get their families involved in their hobbies to foster family bonds.

“For example, when the father goes fishing, he can bring the children and wife. This can help nurture the relationship between parents and children.”

She pointed out that communication between parents and children dropped drastically once the children grew up.

Rohani encouraged parents to attend courses organised by the ministry to learn the correct methods to communicate with their children.

Earlier, she presented appreciation awards to six fathers who had inspired their children to succeed in sports. The recipients include world squash champion Nicol David’s father, Desmond David.



**Datuk Seri Rohani Abdul Karim** (third from right) presenting a Fathers Day appreciation award to **Desmond David** (second from left) here yesterday. Pic by Nurul Syazana Rose Razman




Rajah 3 Menasihati anak-anak melalui kaedah yang sesuai  
 Sumber rujukan: Kaedah Mendidik Isteri dan Anak – Antara Galakan dan Larangan Memukul dalam Islam.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengukur dan mengkaji pemahaman masyarakat khususnya ibu bapa terhadap komunikasi. Komunikasi tidak hanya terbatas melalui pertuturan tetapi ia juga diukur melalui tahap pemahaman masyarakat terutama terhadap kes penderaan kanak-kanak. Pengkajian juga dilakukan berdasarkan beberapa kaedah komunikasi terhadap kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di enam buah negeri di Malaysia. Ia adalah sebagai instrument pemujukan dalam mendidik masyarakat.

## SOROTAN LITERATUR

Komunikasi secara visual berkait rapat dengan proses menyimpan maklumat secara jangka panjang. Tidak hanya terbatas kepada komunikasi secara lisan, visual juga memainkan peranan penting dalam tahap tertinggi emosi seseorang. Zakia (2007) menegaskan bahawa proses ini dinilai sebagai “*equivalents*” iaitu visual foto yang mampu merangsang memori dan perasaan seseorang.



Rajah 4 Visual foto yang mampu memberi nilai setara kepada sesuatu peristiwa yang membawa kepada memori jangka panjang  
 Sumber rujukan: Perception and Imaging Photography- A Way of Seeing

Apabila seseorang itu memproses sesuatu visual, ia akan mengingatkan mereka kepada sesuatu lalu menyimpan maklumat tersebut untuk jangka masa yang panjang. Tetapi bagi mereka yang sedar bahawa visual itu berkait rapat dengan kehidupan mereka, ia akan mengingatkan mereka kepada sesuatu, tempat, masa dan kejadian. Jelas di sini, impak visual memainkan peranan penting dalam berkomunikasi secara emosi dalaman seseorang. Sesuatu visual itu mampu membuatkan seseorang itu tertawa, menangis atau murung sekalipun.

*“The more facts a fact is associated with in the mind, the better possession of it our memory retains”*

*(William James 2007:81)*

## METODOLOGI

### Kaji selidik

Kaji selidik ini terdiri daripada kakitangan hospital, doktor dan jururawat. Kajian ini bertempat di kawasan bandar Hospital Pulau Pinang. Sebanyak 50 borang kaji selidik diedarkan. Mereka yang terlibat berumur lingkungan 18 hingga 60 tahun. Borang kaji selidik ini terbahagi kepada 6 jenis soalan. Iaitu kefahaman, jenis penderaan, faktor-faktor dan kekerapan jenis penderaan kanak-kanak di Malaysia. Seramai 50 orang berjaya menjawab borang kaji selidik yang diedarkan.

### Temu bual

Temu bual secara berstruktur digunakan dalam kajian ini bersama dengan pengetua, pegawai psikologi dan kanak-kanak yang didera di rumah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian dilakukan di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Perlis, Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka. Seramai 28 kanak-kanak yang didera berumur lingkungan 1 tahun hingga 15 tahun di temubual bagi berkongsi pengalaman yang mereka lalui. Mereka terdiri dari 16 kanak-kanak lelaki dan 12 kanak-kanak perempuan. Manakala seramai 6 orang pegawai psikologi yang bertindak sebagai

kaunselor kanak-kanak ini ditemu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang serta faktor-faktor yang menyebabkan penderaan kanak-kanak ini berlaku.

### **Pemerhatian**

Kaedah Pemerhatian turut serta juga digunakan dalam kajian ini. Semasa sesi temu bual dan pemerhatian terhadap kanak-kanak penderaan ini, sesi meluahkan pengalaman masing-masing telah dilakukan dan pengkaji turut memerhati reaksi mereka melalui kaedah penulisan karangan pendek, 'Kisah Hidup Saya' di rumah kebajikan.



Rajah 5 Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Masyarakat dalam sesi meluahkan pengalaman hidup.

### **Kekurangan kasih sayang**

Kehidupan mereka di Rumah Kebajikan Masyarakat ini sangat terjaga. Tetapi boleh dikatakan semua kanak-kanak di rumah kebajikan ini, baik lelaki atau perempuan, mereka amat memerlukan kasih sayang dari sebuah keluarga. Setiap kali menerima kunjungan pelawat yang datang melawat mereka, kanak-kanak ini sangat terhibur. Kenyataan ini juga disokong oleh pengetua serta pegawai psikologi Rumah Kebajikan Masyarakat. Selain itu ada di antara mereka juga, mengalami trauma akibat kecederaan yang dialami menyebabkan mereka mengalami kemurungan.



Rajah 6 Sebahagian daripada kanak-kanak bersama dengan penyelidik

### **Bercita-cita tinggi**


Rata-rata kanak-kanak di sini apabila ditanya tentang cita-cita mereka, menyatakan mereka ingin menjadi, tentera, polis, askar atau juruterbang. Kanak-kanak ini juga berazam untuk berjaya selepas keluar dari Rumah Kebajikan Masyarakat ini apabila meningkat umur 18 tahun nanti.



Rajah 7 Persembahan untuk Majlis Berbuka Puasa dari kanak-kanak di Rumah Kebajikan Masyarakat

### **Kisah silam**

Kebanyakan kanak-kanak di sini berasal dari golongan keluarga yang berstatus rendah dan mengamalkan cara hidup yang tidak sihat. Ada di antara mereka yang berstatus anak tidak halal. Apabila di tanya tentang cara hidup mereka sebelum ditempatkan di rumah kebajikan masyarakat ini, ada di antaranya menyatakan ibu mereka bekerja sebagai pelayan di kelab malam. Pegawai psikologi di sana juga turut menerangkan bahawa gaya hidup ibubapa mereka yang terdahulu adalah tidak sihat untuk pembesaran kanak-kanak di rumah kebajikan ini. Beliau menambah lagi, pegangan agama yang tidak kukuh dari keluarga juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kes penderaan kanak-kanak.



Rajah 8 Mangsa penderaan kanak-kanak : menggunakan api untuk mencederakannya



Rajah 9 Mangsa didera pengasuh  
Sumber rujukan: Keratan akhbar Mymetro 2015



Rajah 10 Mangsa didera di sekolah, diikat tangan hingga meninggalkan kesan

### **Komunikasi**

Komunikasi adalah sebahagian daripada faktor utama penderaan kanak-kanak berlaku. Ibu bapa yang sangat sibuk berkerja menyumbang kepada faktor penderaan kanak-kanak malah ada juga dalam kalangan mereka ibu tunggal gigih yang berkerja sehingga kanak-kanak diabaikan dan ditinggalkan sendirian ketika keluar bekerja. Perkara sedemikian menyebabkan berlakunya jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak yang memberikan kesan, anak-anak mereka mula melakukan perkara-perkara di luar kebiasaan harian mereka.

### **KEPUTUSAN**

Berdasarkan kajian melalui soal selidik yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan masyarakat peka tentang kes penderaan kanak-kanak di Malaysia. Kebanyakan mereka juga bersetuju dengan penggunaan visual foto sebagai medium pemujukan untuk mendidik masyarakat khususnya golongan ibu bapa. Menurut salah seorang responden, William (32 tahun) pegawai psikologi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat apabila ditanya tentang penggunaan visual foto dalam penyampaian mesej mengenai penderaan kanak-kanak di Malaysia

*“Saya tertunggu-tunggu kaedah secara visual ini digunakan supaya kita dapat membantu dan memahami apa yang berlaku di Malaysia”. (Melaka)*

Responden:

*“Visual foto memang boleh menjadi satu medium utama untuk menyedarkan masyarakat terhadap isu penderaan kanak-kanak. Pada pendapat saya cara ini lebih mudah menarik perhatian orang ramai kerana manusia mudah tertarik kepada gambar dari perkataan semata-mata. Lebih-lebih hasil visual foto yang agak “vibrant” dan “eye catching”.*

*(Rawaidah, 29, Pulau Pinang)*

Responden:

*“Poster sebegini akan memudahkan penyampaian dan penerimaan masyarakat berkenaan masalah penderaan kanak-kanak yang semakin meningkat disamping memberikan kesedaran”.*

*(Roslaini, 26, Pahang)*



Rajah 11 Poster yang dibangunkan untuk tujuan soal selidik

Melalui temubual dan pemerhatian yang dilakukan di rumah kebajikan masyarakat terhadap kanak-kanak yang didera, pengkaji mendapati kanak-kanak ini dari awal lagi tidak mendapat perhatian yang secukupnya dari keluarga masing-masing. Penceraian ibubapa merupakan faktor yang menyebabkan kanak-kanak ini didera. Ada di antara ibubapa mengamalkan kehidupan yang tidak sihat, menyebabkan persekitaran kanak-kanak ini juga membesar dalam persekitaran yang tidak sihat. Akibat tiada komunikasi dan kurang pengawasan daripada ibu bapa, kanak-kanak ini mencari haluan sendiri atau menjadi mangsa kepada keganasan ibubapa mereka sendiri. Pegawai psikologi di rumah kebajikan ini juga, turut menghuraikan beberapa faktor lain yang menyebabkan kanak-kanak itu menjadi mangsa dera seperti tiada pegangan agama, penceraian, kos sara hidup yang meningkat, ketengangan hidup, tiada komunikasi dan persekitaran tidak sihat untuk kanak-kanak membesar.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini membuktikan bahawa komunikasi secara visual foto memainkan peranan penting sebagai satu instrument pemujukan dalam mendidik masyarakat tentang penderaan kanak-kanak di Malaysia. Melalui kajian ini juga, penyelidik dapat melihat reaksi dan mendalami emosi kanak-kanak yang didera. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak mereka. Malah, budaya dan persekitaran

yang sihat daripada ibubapa amat diperlukan dalam membentuk gaya hidup harmoni anak-anak dan keluarga yang dibina.

*“Photography, like all the visual arts, is a medium of communication. So many of us embark upon this journey because we feel we have something to communicate about our experiences”.*

(Cleghorn, M. et. al.,2009)

Tidak dapat dinafikan, komunikasi memainkan peranan penting dalam proses ibubapa membesarkan anak-anak mereka. Jarak dan jurang generasi yang dibina antara ibubapa dengan anak-anak mereka akan menyebabkan anak-anak mereka mencari haluan hidup masing-masing. Selain itu, pegangan agama yang teguh bagi setiap individu yang bergelar ibu bapa perlu dititik beratkan untuk mencapai keluarga yang harmoni.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa, mempersiapkan diri dengan ilmu dan amanah yang tinggi kepada Allah SWT, untuk memikul kewajipan membesarkan anak-anak mereka. Kejayaan ibubapa menjalankan tanggungjawab mereka kepada anak-anak, mampu menjadikan mereka rakyat yang berjasa kepada agama, bangsa dan negara. Penderaan yang dilakukan ke atas kanak-kanak akan mengakibatkan mereka mengalami trauma hidup yang panjang dan memberi impak negatif kepada kehidupan mereka. Pendidikan yang sempurna daripada ibubapa dan masyarakat memberikan harapan cerah kepada anak-anak kerana mereka adalah penyambung kepada legasi masa hadapan negara.

## **RUJUKAN**

- Asiah Bt Ali, I. B. (2008). Peranan Komunikasi Dalam Hubungan Kekeluargaan. *Seminar Kaunseling Keluarga*, 1.
- Cleghorn, M., Hoyle, M., McCabe, E., Shipman, S., & Thomassen, B. (2009). *The Digital SLR Expert: Portraits- Essential Advice from Top Pros*. Ohio: David & Charles Book.
- Hashim, & Yaacob, H. F. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Hashim, N. (2014, Januari 9). Pendekatan sesuai didik kanak-kanak. *Agama*, p. 28.
- Karim, R. A. (2014, Jun 15). Dads spend less time with kids. *News Straits Times*, p. 28.
- Lovell, R. (2002). *Picture and Words*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Mohamed, A. R. (2008). *Kaedah Mendidik Isteri & Anak Antara Galakan dan Larangan Memukul dalam Islam*. Malaysia: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Omar, L. (2014, November 24). Luang Masa 10 saat peluk anak. *Berita Harian*.

Rahman, J. A. (2005). *Tahapan Mendidik Anak: Teladan Rasullulah* . Malaysia: Irsyad Baitus Salam.

Sipon, R. P. (2010). *Permata Berbicara: Komunikasi dalam Keluarga*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Zakia, R. D. (2007). *Perception and Imaging Photography - A Way of Seeing*. United Kingdom: Focal Press.